

DBKL, JPS ditegur gagal pantau projek cegah banjir

Oleh KHAIRUN NIZAM
MOHAMMAD YUSUFF

KUALA LUMPUR 3 Okt. - Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid menegur Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) kerana gagal memantau projek tambatan banjir Sungai Klang.

Katanya, kegagalan dua agensi kerajaan itu menimbulkan pelbagai masalah kepada kerajaan dan kontraktor yang bertanggungjawab membina tambatan banjir tersebut.

Menurutnya, kesilapan laporan kedua-dua pihak mengakibatkan kontrak yang diberikan kepada syarikat Waja Destinasi (M) Sdn. Bhd. itu hampir dibatalkan oleh kementeriannya.

"Saya percaya perkara ini berlaku kerana kelemahan sistem penyampaian yang wujud antara DBKL dan JPS. Nasib baik saya datang sendiri melihatnya.

"Saya akan bincang perkara ini dengan pegawai-pegawai terbabit sebab masalah ini sudah sampai pada peringkat kritikal," katanya selepas mengadakan lawatan menjejut ke Kampung Sungai dan Kampung Halimathon, Batu 3 1/2, Jalan Klang Lama, di sini hari ini.

Hadir sama ialah Ketua Setiausaha kementeriannya, Datuk Suboh Mohd Yassin; Ketua Pengarah JPS, Datuk Ir. Keizrul Abdullah dan Ketua Pegawai Eksekutif Waja Destinasi (M) Sdn. Bhd., Sulaiman Kamarudin.

Mengikut perancangan, penduduk kedua-dua kampung tersebut perlu dipindahkan bagi memberi laluan kepada kerja-kerja melebarkan Sungai Klang oleh pihak kon-

traktor.

Menurut Azmi, kegagalan DBKL dan JPS memberi laporan tepat berhubung perkara tersebut menyebabkan pihak kontraktor dipersalahkan dan hampir dibatalkan kontraknya.

"Kalau ikutkan laporan JPS, rumah-rumah tersebut telah diruntuhkan sejak 28 Februari lalu dan kontraktor gagal menjalankan tugas diberikan.

"Laporan itu dinafikan kontraktor dan meminta saya datang melihat sendiri keadaan sebenar dan terbukti apa yang dilihat hari ini tidak sama dengan apa dilaporkan. Kementerian akan siasat perkara ini bagi mengenal pasti punca berlakunya masalah ini," katanya.


Jelasnya, keengganan penduduk berpindah dari kawasan terbabit dan campur tangan Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok menyebabkan kerja-kerja meroboh rumah setinggi tergendala.

Ujarnya, projek tambatan banjir bernilai RM34 juta itu sepatutnya siap pada 2005 selepas kontraktor terbabit menerima tapak projek daripada DBKL.

Dalam tinjauannya hari ini, Azmi memberitahu, terdapat lebih 90 rumah masih belum dirobuhkan selain dua buah kuil dan beberapa pencawang elektrik milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang masih teguh berdiri.

Dalam pada itu, Waja Destinasi (M) Sdn. Bhd. menyalahkan JPS kerana gagal menyediakan laporan tepat kepada kerajaan dan mengakibatkan mereka menanggung kerugian sebanyak RM13 juta.

Syarikat itu bagaimanapun tidak berhasrat mengambil sebarang tindakan mahkamah kerana mahu menunggu keputusan mesyuarat khas yang akan diadakan esok.



AZMI Khalid dan Keizrul Abdullah membincangkan projek tambatan banjir ketika melawat tapak rumah setinggian di Kampung Halimathon, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur, semalam.